



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 26 JUN 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAFI SERAH 200 BAKUL MAKANAN UNTUK PETUGAS BARISAN HADAPAN PEMVAKSIN MELAKA, BERNAMA -ONLINE MAFI PRIHATIN SERAH 200 BAKUL MAKANAN, SH -ONLINE MAFI HANDS OVER 200 FOOD BASKETS TO MELAKA TENGAH PPV FRONTLINERS, BERNAMA -ONLINE MODENKAN PERTANIAN IKUT KREATIVITI, SH -ONLINE AIRASIA FARM REMAINS BULLISH ON AGRICULTURE SECTOR DESPITE IMPACT FROM PANDEMIC, BUSINESS TODAY -ONLINE AGRICULTURE SECTORS TO CONTINUE OPERATING THROUGHOUT NATIONAL RECOVERY PHASES, NEWS, TAMIL MALAR -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8.	PST RAIH JUAPAN RM5 JUTA KETIKA PKP, NEGARA, KOSMO -7 LPP WUJUD PST BANTU AHLI PASAR HASIL TANI, DALAM NEGERI, UM -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	MAQIS CONTRIBUTES THREE TONNES OF FROZEN CHICKEN TO MELAKA ZOO, BERNAMA -ONLINE MAQIS SERAH TIGA TAN AYAM SEJUK BEKU DILUCUTHAKKAN KEPADA ZOO MELAKA, BERNAMA -ONLINE MAQIS SUMBANG RAMPASAN AYAM SEJUK BEKU KEPADA ZOO MELAKA, SH -ONLINE 3 CONTAINERS OF BUFFALO MEAT SEIZED BY MAQIS IN JOHOR, NEWS IN BRIEF, NST -15 MAQIS RAMPAS 83 TAN DAGING KERBAU DARI INDIA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23 MAQIS RAMPAS RM1.3J DAGING KERBAU INDIA, NEGARA, KOSMO -12 DAGING KERBAU 83.9 TAN DIRAMPAS, LOKAL, HM -16 MAQIS SUMBANG 3 TAN AYAM SEJUK BEKU, NEGERI MELAKA, SH -30 DAGING RM1.3 JUTA DIRAMPAS, NATIONAL, BH -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
18. 19. 20. 21. 22. 23.	DAKWAAN LAMBAKAN SAYUR, BUANG HASIL KEBUN TIDAK BENAR, NASIONAL, BH -18 TIADA LAMBAKAN SAYUR DI TANAH TINGGI, LOKAL, HM -13 PENIAGA SAYUR KUNDASANG 'NYAWA-NYAWA IKAN', DALAM NEGERI, UM -27 PISANG BERANGAN SUKAR DIJUAL, PEKEBUN MENGELUH, DALAM NEGERI, UM -26 DURIAN TIDAK BERI KESAN KEPADA PENERIMA VAKSIN, DALAM NEGERI, UM -26 RAMAI TANAM PISANG KETIKA PKP 1.0, DALAM NEGERI, UM -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAFI serah 200 bakul makanan untuk petugas barisan hadapan pemvaksin Melaka



MELAKA, 25 Jun -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Melaka hari ini menyampaikan 200 bakul makanan bernilai RM10,000 kepada petugas barisan hadapan pemvaksin di tiga pusat pemberian vaksin di Daerah Melaka Tengah.

Timbalan Menteri Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata sumbangan berupa makanan asas antaranya beras, gula, tepung dan minyak bernilai RM50 setiap bakul itu diagihkan untuk petugas barisan hadapan di pusat pemberian vaksin (PPV) Dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Ayer Molek, PPV Dewan Tun Ali dan PPV Dewan Universiti Multimedia di sini.

"Sumbangan ini adalah sebahagian daripada Program MAFI Prihatin yang bertujuan mengenang jasa serta pengorbanan petugas barisan hadapan negara khususnya di PPV yang tidak mengenal erti penat lelah memberi perkhidmatan terbaik demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat dalam mengharungi cabaran penularan COVID-19.

Program ini juga bertujuan mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat khususnya petugas barisan hadapan sekali gus dapat mempamerkan keprihatinan kerajaan terhadap golongan yang terkesan dengan penularan COVID-19,' katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sumbangan bakul makanan berkenaan disampaikan Ahmad Hamzah kepada tiga ketua penyelaras PPV berkenaan dan turut dihadiri Pengarah LPP Melaka Ahmad Fuad Zakaria.

~ BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI Prihatin serah 200 bakul makanan



Ahmad (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan tersebut kepada wakil petugas barisan hadapan.

MELAKA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui MAFI Prihatin menyerahkan 200 bakul makanan (Foodbasket) kepada petugas barisan hadapan negara vaksinator di Melaka Tengah, di sini pada Jumaat.

Sumbangan MAFI Prihatin yang diuruskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) itu disempurnakan oleh Timbalan

Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Pengarah LPP Melaka, Ahmad Fuad Zakaria berkata, bakul makanan diserahkan di tiga lokasi iaitu Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Japerun Ayer Molek, PPV Dewan Tun Ali, Bukit Katil dan PPV Dewan Multimedia Universiti, Bukit Beruang, Melaka.

"Sumbangan MAFI Prihatin bertujuan mengenang pengorbanan petugas barisan hadapan negara vaksinator yang memberikan perkhidmatan terbaik untuk kesihatan dan kesejahteraan rakyat negara ini amnya dan di negeri Melaka khususnya akibat pandemik Covid-19.

"Keprihatinan Datuk Seri Ahmad Hamzah bersama pihak LPP turun ke lapangan mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat khususnya petugas barisan hadapan sepanjang usaha mengawal penularan Covid-19.

"Ini secara tidak langsung dapat mempamerkan keprihatinan kerajaan terhadap golongan yang terkesan dengan virus itu," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Sumbangan berkenaan diagihkan kepada wakil di setiap Pusat PPV iaitu Ketua Penyelaras Vaksinator di PPV Japerun Ayer Molek, Melaka, Dr Rozita Ghazali; Ketua Penyelaras di PPV di Dewan Tun Ali, Bukit Katil, Dr Munirawati Muhammad dan Ketua Penyelaras Vaksinator di PPV di Dewan Multimedia Universiti, Bukit Beruang, Melaka, Dr Maz Ayu Abd Azis.

Ahmad (kanan) ketika meninjau projek ternakan lembu fidlot yang diusahakan oleh Zaidi di Unit Bertam Hulu.



Sesi penyerahan sumbangan dilaksanakan secara ringkas dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Penyerahan disaksikan Pegawai Kesihatan Daerah Melaka Tengah, Dr Noor Aizam Mohd Said bersama Ahmad Fuad.

Dalam pada itu, di PPK Melaka Tengah, Ahmad turut meninjau kelangsungan rantai bekalan makanan menerusi Projek Ternakan Lembu Fidlot yang diusahakan oleh usahawan Zaidi

Mohd Saidi, di Unit Bertam Hulu, di bawah PPK Melaka Tengah yang berjumlah 100 ekor.

Turut hadir, Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Molek, Melaka, Datuk Rahmad Mariman dan Ahmad Fuad.

Projek berkenaan bermula pada tahun 2003 dan pernah mendapat peruntukan berjumlah RM 7,500 pada tahun tersebut.

Ahmad Fuad berkata, pemasaran lembu oleh PPK Melaka Tengah berjalan lancar bagi memenuhi keperluan daging segar di

pasaran dan untuk keperluan Hari Raya Aidiladha bagi aktiviti korban dan aqiqah.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) LPP Negeri Melaka telah membuka Bilik Gerakan Crisis Management Centre (CMC) yang beroperasi dari 9 pagi hingga 4 petang.

"Sebarang pertanyaan dan aduan boleh hubungi talian hotline LPP di 06-2824310 atau e-mel ke [lppmelaka@yahoo.com](mailto:lppmelaka@yahoo.com)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAFI hands over 200 food baskets to Melaka Tengah PPV frontliners



MELAKA, June 25 -- The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) through Melaka Farmers' Organisation Authority (LPP) today handed over 200 food baskets worth RM10,000 to frontliners at three vaccination centres (PPV) in Melaka Tengah district.

Its deputy minister Datuk Seri Ahmad Hamzah said the contribution, comprising basic food items such as rice, flour, sugar and cooking oil worth RM50 per basket, was distributed to frontliners at Air Molek Japerun (State Assembly Development and Coordinating Committee) PPV, Tun Ali Hall PPV and Multimedia University Hall PPV here.

"The contribution is a part of MAFI Prihatin Programme, in appreciation of the services and sacrifices of frontliners, specially in PPV.

"The programme's objective is also to promote closer relationship between the leaders and the people, particularly frontliners, by displaying the government's concern," he said in a statement today.

The food baskets were handed over by Ahmad Hamzah to the three PPV coordinator heads. Also present was Melaka LPP director Ahmad Fuad Zakaria.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Modenkan pertanian ikut kreativiti



Golongan muda diantara pemangkin perkembangan sektor pertanian dalam negara.

KOTA BHARU – Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan golongan belia dalam program pertanian bagi membantu memodenkan sektor berkenaan mengikut kreativiti semasa.

Timbalan Menteri II, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kerajaan juga sentiasa menyediakan pelbagai kemudahan

melalui agensi di bawah MAFI.

“Jabatan Pertanian sebagai contohnya turut memberikan insentif sebagai dorongan memajukan bidang pertanian selain berusaha membantu petani dan usahawan tani meningkatkan hasil pengeluaran mereka,” katanya kepada pemberita di sini pada Jumaat.

Beliau ditemui selepas meninjau projek fertigasi tanaman timun di Kampung Kubang Palas Banggu milik seorang usahawan tani muda, Mohamad Zulfazli Mohd Ariffin.



Abdullah (kanan) menunjukkan timun yang dikutip di kebun milik Muhamad Zulfazli di sini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Demit (ADUN) Demit, Datuk Mumtaz Md Nawi.

Che Abdullah turut memaklumkan Jabatan Pertanian melaksanakan beberapa pendekatan baharu sepanjang Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) termasuk kerjasama rakan strategik dan penggunaan teknologi pintar seperti

Internet of Thing (IoT) selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

Mengulas lanjut, dengan usaha yang pelbagai daripada kerajaan dan usahawan tani, sektor pertanian akan dapat membantu industri agro makanan negara memenuhi keperluan makanan negara.

Sementara itu, Datuk Mumtaz yang juga Exco Kerajaan Negeri memberitahu, kerajaan Kelantan sentiasa menggalakkan golongan belia bercucuk tanam dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerja-kerja dengan sumber manusia.

Menurutnya, banyak tanah terbiar yang boleh diusahakan mengikut kreativiti mereka selaras dengan kadar keperluan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	BUSINESS TODAY	ONLINE	

## Airasia Farm Remains Bullish On Agriculture Sector Despite Impact From Pandemic



airasia farm remains bullish on the agriculture sector despite the impact brought on by the pandemic on the agriculture sector.

A year in operation, airasia farm has registered about 2,000 full-time producers, including over 170 from Sabah and contract farmers, with a number of additional employees along the supply chain such as drivers, logistic handlers, business development executives, and farmer relationship

executives among others.

airasia farm is setting up its warehouse of 10,000 square feet in Selangor and 6,000 square feet in Sabah by Q3 2021. When completed, the warehouse will serve as a 3-in-1 Digital Agri Centre including a cold chain facility, office space and training space for farmers and SMEs.

The warehouse will not only store tonnes of fresh produce but will be utilised as a quality control centre, sorting and distributing fresh produce with cold chain services to ensure fresh produce that is high in demand will be readily available and sufficiently stocked to avoid losses during downtime, ensuring the local food security.

“In the long term, by enhancing its logistics capabilities through the increase of its supply chain and connectivity, airasia farm seeks to create over 100,000 new jobs, directly or indirectly in the process,” said Joanna Ibrahim, Chief Executive Officer of airasia farm.

She also stated that contract farming will play an important role for airasia farm and in the future of agriculture, in line with MAFI’s goal to attract the next generation to join contract farming as a viable career path and a long-term impact of uplifting the B40 communities.

airasia farm was established during the Recovery Movement Control Order (RMCO) in June 2020, backed by airasia Digital and supported by the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI).



Headline	Agriculture sectors to continue operating throughout national recovery phases		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	26 Jun 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	173 cm <sup>2</sup>
Journalist	NULL	AdValue	RM 889
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,668



# தேசிய மீட்பு கட்டங்கள் முழுவதும் விவசாயத் துறைகள் தொடர்ந்து செயல்படும்

கோலாலம்பூர், ஜூன் 26- பயிர்கள், கால்நடைகள், மீன்வளம் மற்றும் உணவுத் தொழில்கள் சம்பந்தப்பட்ட விவசாயத் துறைகள் தேசிய மீட்புத் திட்டத்தின் இரண்டு, மூன்று மற்றும் நான்கு கட்டங்கள் முழுவதும் தேசிய பாதுகாப்பு கவுன்சிலின் நிலையான இயக்க நடைமுறைகளைப் (எஸ்.ஓ.பி) பின்பற்றி தொடர்ந்து செயல்படும்.

வேளாண் மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சர் டத்தோ ஸ்ரீடாக்டர் ரொனால்ட் கியாண்டி கூறுகையில், “நடமாட்டக் கட்டுப்பாட்டு ஆணையின்போது இந்தத் துறைகள்

எந்தவித இடையூறும் இல்லாமல் தொடர்ந்து செயல்படுவதை உறுதி செய்வேன். இந்த துறை மக்களுக்கு அத்தியாவசிய தேவைகளில் ஒன்றானதாலும் நாட்டின் பொருளாதார வளர்ச்சிக்கு முக்கிய கூறாக இருப்பதாலும் இதன் செயல்பாடுகளை நான் எந்நேரமும் கவனித்து வருவேன்” என்றார். நடமாட்டக் கட்டுப்பாட்டு ஆணை முழுவதும் விவசாயத் துறையை தொடர்ந்து செயல்படுவதற்காக அமைச்சகம் மொத்தம் 105,869 கடிதங்களை வெளியிட்டுள்ளது என்பது குறிப்பிடத்தக்கது. இதில் விநியோகச் சங்கிலி

மற்றும் உணவுத் தேவைகள் தொடர்பான சந்தைப்படுத்தல் நடவடிக்கைகளும் அடங்கும். அதன் PT Swift Marketing Sdn Bhd எனும் நிறுவனத்தில் பறவைகூடு ஏற்றுமதி சந்தைக்கான செயல்பாடுகள் பாதிக்கப்படாமல் இருப்பதாக அவர் உறுதி செய்தார். கடந்த ஏப்ரல் வரை நாட்டின் விரைவான பறவைக் கூடு தொழிலில், தொழில்துறையின் மொத்த ஏற்றுமதி 962 மெட்ரிக் டன்களை அதாவது ரிம.714 மில்லியன் மதிப்பிலான கூடுகளை ஏற்றுமதி செய்துள்ளது. இது இந்த பொருட்களின் ஏற்றுமதி வலுவாக இருப்பதைக் குறிக்கிறது.



**ORANG** ramal membeli sayur-sayuran di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang PPK Kuala Langat semalam. - AFIQ RAZALI

## PST raih jualan RM5 juta ketika PKP

**KUALA LANGAT** - Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP) berjaya meraih jualan hampir RM5 juta menerusi pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST) dalam tempoh tiga minggu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azulita Salim berkata, terdapat 27 buah PST yang beroperasi di seluruh negara ketika ini dalam memberikan akses pilihan kepada pengguna bagi mendapatkan barangan keperluan harian.

Katanya, PST juga platform membantu ahli-ahli peladang menyelesaikan masalah berkaitan pemasaran hasil pertanian mereka.

"Ini situasi menang-menang dalam memastikan bekalan sentiasa ada dan mengatasi kekangan rantaian pembekalan makanan negara dari segi kenaikan harga makanan serta bahan mentah.

"PST juga sediakan perkhidmatan pengangkutan bagi mengangkut hasil-hasil pertanian terus dari ladang atau kampung dan dihantar terus ke PST ber-

hampiran," katanya pada sidang akhbar di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) Kuala Langat di sini semalam.

Antara produk ditawarkan di PST LPP adalah sayuran, buah-buahan, ayam, hasil laut, daging dan barangan runcit serta produk jenama Peladangu dengan penjimatan antara lima hingga 20 peratus potongan harga bagi barangan terpilih.

Menurut Azulita, PST dibuka seawal pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari selaras arahan dan kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan menawarkan alternatif kepada pengguna menerusi jualan secara perkhidmatan cash on delivery dan pandu lalu.

Beliau menjelaskan, setiap hasil ladang juga dihantar ke PPK untuk tujuan penggredan sebelum dihantar ke pasar raya, agrobazar, restoran dalam memenuhi permintaan semasa.

"PPK kita bergerak secara berkumpulan dalam membantu satu sama lain dengan PPK Kuala Langat menjadi visi kepada PPK lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

# LPP wujud PST bantu ahli pasar hasil tani

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**  
utusannews@mediamula.com.my

**KUALA LANGAT:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) komited untuk mewujudkan Pasar Segar Terkawal (PST) bagi membantu ahlinya yang terkesan dengan Covid-19 memasarkan hasil pertanian mereka sekali gus menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian.

Menurut Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim, terdapat 27 PST seluruh negara yang fokus utamanya sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian dan platform kepada ahli-ahli peladang menyelesaikan masalah pemasaran.

"Pengoperasian PST ini selaras dengan fungsi dan peranannya sebagai salah satu akses pilihan kepada pengguna bagi mendapatkan barangan keperluan harian," katanya kepada pemberita di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Jalan Waja Teluk Panglima Garang dekat sini, semalam.

Yang hadir sama Pengarah LPP negeri, Aduni Adlin Mohd. Bee dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) Kuala



**PASAR Segar Terkawal (PST) menyediakan produk pertanian segar pada harga berpatutan kepada pengguna. - UTUSAN/AFIQ RAZAK**

Langat, Abdul Razak Khasbullah.

Azulita berkata, PST mencatat transaksi perniagaan bernilai hampir RM5 juta dalam tempoh tiga minggu pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Mengenai operasi PST, Azulita berkata, orang ramai boleh mengunjungi PST berhampiran

yang dibuka seawal pukul 7 pagi hingga 12 tengah hari selaras dengan arahan PKP 3.0 yang sedang berkuat kuasa.

"PST juga menawarkan alternatif jualan dalam talian dan perkhidmatan 'cash on delivery' (COD).

"PST menyediakan

perkhidmatan pengangkutan bagi mengangkut hasil-hasil pertanian terus dari ladang atau kampung-kampung dan dihantar terus ke PST berhampiran, malahan petani boleh memasarkan dan menjual sendiri produk mereka terus kepada-pengguna," katanya.

Jelasnya lagi, kewujudan



**AZULITA SALIM**

PST memastikan para petani dapat terus berniaga dan sedikit sebanyak mengurangkan kerugian, kerana hasil tanaman yang rosak ekoran PKP.

"Ia juga dapat memenuhi kehendak penduduk setempat untuk membeli barangan keperluan tanpa perlu bersesak bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19," katanya.

Bellau menambah, antara barangan yang ditawarkan di PST LPP adalah sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, hasil laut, daging, barangan runcit, barangan asas tani dan produk Jenama Peladangku.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

## Maqis contributes three tonnes of frozen chicken to Melaka Zoo



MELAKA, June 25 -- The Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) contributed three tonnes of frozen chicken for animals in Melaka Zoo here, today.

Maqis in a statement said the frozen chicken from Thailand, worth RM27,270, were confiscated items that were forfeited from cases in May to June this year.

"All the chicken were seized from smuggling attempts from the neighbouring country to Malaysia through illegal bases on bank of Sungai Golok in Rantau Panjang, Kelantan.

"The chicken supplies were found not having documents such Maqis import permit, Veterinary Department Health Certificate and Halal Certificate," according to the statement.

The meat supplies were handed over by Agriculture and Food Industries (MAFI) Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah to Hang Tuah Jaya Municipal Council president Datuk Shadan Othman.

The department hoped the initiative would to help ease Melaka Zoo operation by providing food for animals there.

"We are committed in carrying out our social responsibility to help and contribute to those in need such as Melaka Zoo.

"Besides that Maqis is strictly enforcing the country's law to ensure issues related to halal aspect, food security, disease control and risks of dangerous pest that can threaten the country's agricultural and breeding industry, is contained and controlled at all entry points," read the statement.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAQIS serah tiga tan ayam sejuk beku dilucuthakkan kepada Zoo Melaka



MELAKA, 25 Jun – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyerahkan sumbangan bekalan makanan berupa tiga tan ayam sejuk beku untuk haiwan di Zoo Melaka di sini hari ini.

MAQIS dalam satu kenyataan berkata ayam sejuk beku dari Thailand bernilai RM27,270 itu adalah hasil rampasan yang telah dilucuthakkan membabitkan kes dari Mei sehingga Jun tahun ini.

"Kesemua bekalan ayam sejuk beku itu dirampas semasa cubaan dibawa masuk dari negara jiran ke Malaysia melalui pangkalan haram di tebing Sungai Golok di Rantau Panjang, Kelantan.

"Bekalan ini didapati tidak memiliki dokumen seperti permit import MAQIS, Sijil Kesihatan Veterinar dan Sijil Halal," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, penyerahan bekalan makanan itu disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Datuk Shadan Othman.

MAQIS berkata inisiatif itu diharap dapat membantu melancarkan operasi Zoo Melaka selain menampung bekalan makanan untuk haiwan-haiwan di dalamnya.

"Pihak kita juga komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang memerlukan seperti Zoo Melaka.

"Selain itu, MAQIS juga sentiasa tegas menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang negara dalam memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di kesemua pintu masuk," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Maqis sumbang rampasan ayam sejuk beku kepada Zoo Melaka



Ahmad (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan bekalan makanan haiwan Maqis kepada Shadan (dua dari kiri). Hadir sama Siti Nur (kanan).

MELAKA - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyerahkan sumbangan bekalan makanan haiwan kepada Zoo Melaka pada Jumaat.

Makanan berupa produk ayam sejuk beku itu adalah hasil rampasan yang telah dilucut hak membabitkan kes dari Mei

sehingga Jun 2021.

Penyerahan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Datuk Shadan Othman.

Hadir sama Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti Nur Ahmad dan Pengarah Maqis Melaka, Nora Dinah Abdul Rahman.

Datuk Seri Ahmad (tengah) menyampaikan sumbangan bekalan makanan haiwan Maqis kepada Shadan di Zoo Melaka pada Jumaat.



Ahmad berkata, Maqis telah menyumbangkan sejumlah tiga tan ayam sejuk beku dengan nilai rampasan RM27,270 yang datang dari Thailand.

"Kesemua bungkusan ayam sejuk beku itu ditahan semasa cuba dibawa masuk dari negara jiran ke Malaysia melalui pangkalan haram tebing Sungai Golok di Rantau Panjang Kelantan.

"Hasil pemeriksaan mendapati kesemua bekalan ini tidak memiliki dokumen seperti permit import Maqis, sijil kesihatan veterinar dan sijil halal," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tambahnya, Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang memerlukan seperti Zoo Melaka.

Katanya, inisiatif ini diharap dapat membantu pihak Zoo Melaka dari segi kelancaran operasi, selain menampung bekalan makanan untuk haiwan-haiwan di bawah jagaan mereka.





"Pihak Maqis bertegas dalam menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang negara bagi memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di kesemua pintu masuk," katanya.

Antara bekalan makanan haiwan sejuk beku yang diserahkan kepada pihak Zoo Melaka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

## 3 containers of buffalo meat seized by Maqis in Johor

**JOHOR BARU:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized three containers carrying buffalo meat from India at Pasir Gudang Port here on Wednesday. Johor Maqis director Hizzuan Hasim said an inspection at 2pm found that the seal number on the containers did not match the number on the bill of lading that was declared. "All the meat, weighing about 83,988kg and valued at RM1.3 million, has been seized for further action," said Hizzuan. He said the case would be investigated for submitting a permit, declaration or other documents that were false, inaccurate or confusing to Maqis. "The offence carries a fine of not more than RM50,000 or a jail term not exceeding two years or both, upon conviction," said Hizzuan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	23

## Maqis rampas 83 tan daging kerbau dari India

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas kira-kira 83 tan metrik daging kerbau dari India di Pelabuhan Pasir Gudang di sini pada Khamis.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, daging kerbau terbabit dibawa menggunakan tiga kontena dan dianggarkan bernilai RM1.3 juta.

Menurutnya, hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan pegawai penguatkuasa Maqis terhadap kesemua kontena terbabit pada jam 2 petang mendapati nombor *seal* pada kontena tidak sama seperti yang dinyatakan di dalam dokumen pengangkutan barang atau *bill of lading yang diikrarkan*.

Beliau menegaskan, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau

dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada Maqis adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Dalam pada itu, Hizzuan menegaskan Maqis sentiasa komited dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara.

"Tindakan ini penting bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.

## Maqis rampas RM1.3j daging kerbau India

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor bertindak menahan tiga kontena berisi daging kerbau sejuk beku bernilai RM1.3 juta di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Hiz-zuan Hasim berkata, penahanan itu dibuat selepas pihaknya menjalankan pemeriksaan terhadap kontena berkenaan pada pukul 2 petang.

Menurut beliau, ketiga-tiga kontena berkenaan membawa daging kerbau dari India.

"Maqis menahan bahan mentah itu setelah mendapati nombor seal pada kontena tidak sama seperti yang dinyatakan di dalam dokumen *bill of lading* yang telah diikrar."

"Kesemua daging kerbau berkenaan yang seberat 83,988 kilogram (kg) dan dianggar bernilai RM1,302,653 telah ditahan untuk tindakan lanjut,"

katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Hiz-zuan, kes itu akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

"Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak lebih RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," ujarnya.

Beliau turut menasihati semua pengimport dan pengeksport agar mengikut peraturan ditetapkan kerajaan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan Malaysia terpelihara.



**DAGING** kerbau seberat 83,988 kilogram yang dirampas oleh Maqis Johor di Pelabuhan Pasir Gudang kelmarin.

## Daging kerbau 83.9 tan dirampas

**Pasir Gudang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 83.9 tan daging kerbau dari India di Pelabuhan Pasir Gudang di sini, kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, tiga kontena yang membawa daging itu ditahan selepas pemeriksaan dijalankan kira-kira jam 2 petang.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati nombor seal pada kontena tidak sama seperti yang dinyatakan dalam dokumen *bill of lading* yang diikrar.

"Semua daging kerbau berkenaan dengan berat kira-kira 83,988 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM1,302,653 (RM1.3 juta) ditahan untuk tindakan lanjut.

"Daging itu dipercayai bagi pasaran Malaysia, selain ejen penghantaran berusia 22 tahun sudah diambil keterangan dan dilepaskan,"

katanya dalam kenyataan, semalam.

Bellau berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada Jabatan Maqis menjadi kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"MAQIS komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan diperkasa di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.



MAQIS Johor merampas daging kerbau dari India di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor Bahru.

# Maqis sumbang 3 tan ayam sejuk beku

Sumbangan kepada Zoo Melaka itu merupakan hasil rampasan bekalan makanan dari Thailand yang dilucut hak bernilai RM27,270

Oleh SARINAH MAT KASIM

MELAKA

**S**ebanyak tiga tan ayam sejuk beku yang dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) disumbangkan kepada Zoo Melaka pada Jumaat.

Menerusi satu kenyataan, Maqis memaklumkan pemberian itu adalah hasil rampasan yang dilucut hak membabitkan kes dari bulan Mei sehingga Jun 2021 bernilai RM27,270 dan

merupakan bekalan makanan dari Thailand.

Penyerahan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Datuk Shadan Othman.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti Nur Ahmad dan Pengarah Maqis Melaka, Nora Dinah Abdul Rahman.

Kesemua bungkusan ayam sejuk beku itu ditahan ketika cuba dibawa masuk dari-negara jiran ke Malaysia melalui pengkalan haram tebing Sungai Golok di Rantau Panjang, Kelantan.

“Hasil pemeriksaan mendapati kesemua bekalan ini tidak memiliki dokumen seperti permit import Maqis, sijil kesihatan veterinar dan sijil halal,” katanya pada Jumaat.

Tambahnya, Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan



Ahmad (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan bekalan makanan untuk haiwan di Zoo Melaka kepada Shadan (dua dari kiri) pada Jumaat.

memberi sumbangan kepada pihak yang memerlukan seperti Zoo Melaka.

Katanya, inisiatif ini diharap dapat membantu pihak Zoo Melaka dari segi kelancaran operasi selain menampung bekalan

makanan untuk haiwan-haiwan di bawah jagaan mereka.

“Pihak Maqis sangat ber-tegas dalam menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang negara bagi memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal,

keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di ke- semua pintu masuk,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

**Dakwaan lambakan sayur, buang hasil kebun tidak benar**

Cameron Highlands: Tiada lambakan sayur dan aktiviti membuang hasil kebun berkenaan di Cameron Highlands susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 seperti dakwaan yang tular.

Setiausaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong, berkata berita tersebar itu tidak berasas dan lebih kepada cuba menarik perhatian kerajaan.

Menurutnya, lambakan sayuran hingga menyebabkan pekebun membuang hasil tani itu hanya berlaku pada PKP 1.0 tahun lalu menyebabkan kerugian besar kepada pekebun kerana semua aktiviti dilarang sepenuhnya.

Pada PKP 3.0, katanya, pekebun lebih awal mengetahui keputusan kerajaan itu dan sudah bersedia bagi memastikan hasil kebun boleh dipasarkan, walaupun harganya lebih rendah berbanding sebelumnya, malah ada yang tidak membuat tuisian bagi mengelak lambakan.

"Perbuatan membuang sayur daun, termasuk tomato dengan jumlah yang banyak kerana dikatakan berlaku lambakan disebabkan tidak boleh dipasarkan pada PKP 3.0 adalah tidak benar sama sekali.

"Tomato dibuang kerana sudah rosak secara semula jadi serta pelbagai sebab lain. Ia biasa berlaku, setiap hari antara 100 hingga 150 kilogram tomato rosak dibuang pekebun di sini," katanya.

Beliau yang ditemui media selepas pertemuan dengan wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini semalam, berkata pihaknya tidak faham kenapa isu lambakan sayuran sering dikaitkan dengan Cameron Highlands.

Katanya, tindakan pihak terbabit seolah-olah cuba menarik perhatian kerajaan supaya campur tangan, selain mungkin untuk menimbulkan kebimbangan pengguna.

Pekebun, Louis Lau Weng Soow, berkata sayur-sayuran tidak dapat dipasarkan pada peringkat awal PKP 3.0 sahaja, namun selepas itu pengeluaran dan pemasaran berjalan lancar.

Katanya, keputusan kerajaan membenarkan aktiviti penghantaran sayur keluar dari Cameron Highlands adalah tindakan bijak dan tepat bagi mengelak lambakan, seterusnya kerugian di pihak pekebun.

"Pasar sayur kini lancar walaupun harganya tidak menentu. Bagi pekebun, ia normal dan tidak perlu diperbesar," katanya.

## Daging RM1.3 juta dirampas

**MAQIS Johor tahan tiga kontena dari India**

Oleh Nurul Amanina Sahaini  
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor merampas 83.9 tan daging kerbau bernilai RM1.3 juta dari India di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini.

Pengarah MAQIS Johor, Hizuan Hasim dalam satu kenyataan semalam, berkata tiga kontena yang membawa daging berkenaan ditahan selepas pemeriksaan dijalankan kira-kira jam 2

petang kelmarin.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati nombor seal pada kontena tidak sama seperti yang dinyatakan dalam dokumen bill of lading yang diikrar.

"Semua daging kerbau berkenaan dengan berat kira-kira 83,988 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM1,302,653 (RM1.3 juta) ditahan untuk tindakan lanjut.

"Daging itu dipercayai bagi pasaran Malaysia," katanya sambil menambah ejen penghantaran berusia 22 tahun sudah diambil keterangan dan kemudian dilepaskan.

Katanya, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada MAQIS menjadi kesalahan.

Beliau memaklumkan, kesala-



MAQIS Johor merampas 83.9 tan daging kerbau dari India di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor Bahru, kelmarin. (Foto ihsan MAQIS Johor)

han itu adalah mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang jika sabit kesalahannya boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya.

"MAQIS komited menjalankan

penkuatkuasaan undang-undang dan akan diperkasa di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	KOSMO	LOKAL	13



ACTIVITY penghantaran sayur-sayuran di Cameron Highlands terus berjalan seperti biasa.

## Tiada lambakan sayur di tanah tinggi

**Cameron Highlands:** Tiada isu lambakan sayur atau membuang sayuran seperti didakwa berlaku di tanah tinggi berkenaan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Setiasaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, berita yang tersebar itu tidak berasas dan lebih kepada cuba menarik perhatian kerajaan.

Menurutnya, kejadian lambakan sayuran hingga menyebabkan pekebun membuang produk keluaran mereka hanya berlaku pada PKP 1.0, tahun lalu.

Katanya, ketika itu ia menyebabkan kerugian besar pada pekebun apabila semua aktiviti pertanian tidak

boleh dilakukan sepenuhnya.

"Pada PKP 3.0 kali ini, pekebun sayur lebih awal mengetahui keputusan kerajaan dan sudah bersedia bagi memastikan produk keluaran mereka boleh dipasarkan walaupun harganya lebih rendah.

"Perbuatan membuang sayur berdaun termasuk tomato dengan jumlah yang banyak kerana dikatakan berlaku lambakan disebabkan tidak boleh dipasarkan pada PKP 3.0 adalah tidak benar sama sekali.

"Tomato yang dibuang adalah buah rosak secara se-

muljadi dan pelbagai sebab lain dan memang biasa berlaku, faktor berkenaan menyebabkan pekebun bertindak membuangnya," katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan tanaman sayur, kelmarin.

Fama diwakili Pengarah Pemasaran Industri Makanan Fama Ramli Mohd Sani dan Timbalan Pengarah Operasi Fama Pahang, Shabbudin Mohd Nor.

Chay berkata, pihaknya pelik mengapa isu lambakan sayuran sering dikaitkan dengan Cameron Highlands sedangkan ia tidak berlaku.

"Ada pihak seolah-olah cuba menarik perhatian kerajaan supaya campur tangan selain mungkin untuk menimbulkan kebimbangan pengguna," katanya.

Tinjauan di Cameron Highlands mendapati aktiviti penghantaran sayuran berjalan seperti biasa walaupun jumlahnya berkurangan.

Pengeluaran sayuran banyak berlaku di Lembah Bertam, Brinchang, Kuala Terla, Blue Valley dan Kampung Raja termasuk Lojing, Kelantan yang memasarkan sayuran mereka melalui Cameron Highlands.

“  
Tomato yang  
dibuang adalah  
buah rosak  
secara semula  
jadi  
Chay Ee Mong



26/6/2021

UTUSAN

DALAM

27

MALAYSIA

NEGERI

# Peniaga sayur Kundasang 'nyawa-nyawa ikan'

**Oleh SURAIDAH ROSLAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**RANAU:** "Bersyukurilah kalau dapat RM10 sehari". Itu antara rintahan peniaga sayur-sayuran di Pekan Kundasang, dekat sini yang terjejas teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Presiden Persatuan Pemborong dan Peruncit Sayur Bumiputera Kundasang, Mariana Taliban berkata, pendapatan peniaga sayur seperti mereka cukup terjejas semasa PKP 3.0 susulan larangan rentas daerah.

"Kadangkala bersyukurilah kalau kami boleh dapat RM10 sehari dan paling tinggi pun RM50, bergantung kepada jenis sayuran yang terjual.

"Pada masa ini, daripada 164 peniaga sayur dan buah-buahan di Pekan Kundasang, hanya 15 hingga 20 gerai yang beroperasi semasa PKP," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Mariana, sekiranya PKP dilanjutkan sehingga pertengahan Julai, mereka berharap ada bantuan kepada peniaga kecil.

Sementara itu, Azizul Julirin, 33, berkata, hasil pengeluaran



**AZIZUL Julirin yang mengusahakan tanaman sayuran di Kundasang Aquafarm di Sabah turut terjejas semasa PKP kali ini.**

sayurannya berkurangan kira-kira RM10,000 kerana tempahan menurun semasa PKP 3.0.

"Biasanya sayur-sayuran yang ditanam di Kundasang Aquafarm, Mesilau ini dijual ke pasar raya di sekitar Kota Kinabalu dan Sarawak.

"Pengeluaran sayuran berdaun seperti salad dan sawi di kebun ini boleh mencecah tiga tan metrik sebulan tetapi di-

sebabkan PKP kami terpaksa mengawal pengeluaran bagi mengelakkan kerugian besar sekiranya tempahan sayuran semakin berkurangan," katanya.

Katanya, jika PKP dilanjutkan lagi, petani akan mula kehabisan modal pusingan untuk menampung perbelanjaan menanam semula sayur-sayuran.

Graduan Universiti Malaysia Sabah itu berkata, biarpun

terkesan, pembekal dan pemborong sayuran seperti masih boleh memperoleh pendapatan semasa PKP.

Namun, bagi pekebun kecil yang menanam sayur untuk sara diri, golongan itu sangat terjejas kerana tidak dapat memasarkan sayuran yang ditanam menandakan tiada pelanggan luar yang dibenarkan masuk ke Kundasang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

# Pisang berangan sukar dijual, pekebun mengeluh

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
 bardulisa@mediamula.com.my

**KUALA PILAH:** Pekebun pisang ketika ini berdepan lambakan hasil tani itu khususnya dari jenis berangan yang tidak terjual di peringkat ladang, gara-gara halangan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menambah kekusaran mereka, sejak kebelakangan ini, harga diterima daripada peraih dan pemborong bagi setiap sekilogram tandan pisang jatuh di bawah paras RM1.80 meskipun harga pisang itu di peringkat runcit tidak berubah.

Pemilik The Kebun yang terletak di Kampung Tengkek dekat sini, Zurfahiz Hussin, 41, berkata, pisang berangan kira-kira 5,000 pokok yang ditanam secara peringkat sejak Ogos tahun lalu mengeluarkan hasil pertamanya baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak seperti yang dirancang apabila pengeluaran hasil tani itu tiba pada waktu negara sekeh lagi terpaksa melaksanakan PKP.

Keadaan itu, menurutnya, menyebabkan pemborong dan peraih menghadkan pembelian kerana pasar raya yang kurang dikunjungi pelanggan selain hotel yang biasanya mengambil buah pisang dengan gred



**ZURFAHIZ Hussin (kanan) dan pekerjaanya mengangkat pisang berangan yang baru dituai di kebunnya di Kampung Tengkek, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN**

terbaik daripada pekebun pula tidak beroperasi akibat PKP.

"Keadaan sekarang adalah disebabkan hasil di ladang terlalu banyak, pasaran pula terhadap akibat PKP. Peraih mempunyai banyak pilihan dan mereka tawarkan harga rendah kepada pekebun," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* kelmarin.

Tambahnya, walaupun agensi kerajaan ada menghulurkan

bantuan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi urusan pemasaran tetapi masih tidak memadai untuk mengatasi masalah lambakan itu.

"Jadi pekebun seperti kami juga terpaksa mengambil langkah sendiri dengan mempromosikan dan menjual menerusi Facebook. Kami hantar terus kepada pelanggan, tetapi kami terpaksa

pula menanggung kos penghantaran," katanya.

Katanya, kehadiran buah pisang import juga terus menambah tekanan kepada pengusaha pisang tempatan.

Seorang lagi pekebun pisang, Indra Akmal Mison, 39, berkata, selain pisang berangan, pisang tanduk juga menghadapi isu yang sama dan tidak dapat dijual ketika ini.

## Durian tidak beri kesan kepada penerima vaksin

**TAPAN:** Makan buah durian tidak memberi kesan kepada individu sama ada selepas atau sebelum mengambil suntikan vaksin Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, tiada dalam amalan perubatan yang menyatakan demikian, sebaliknya pengambilan makanan berkhasiat dan seimbang adalah digalakkan sebelum dan selepas mengambil vaksin.

"Tidak termaktub dalam buku perubatan bahawa tidak boleh makan durian selepas cucuk (vaksin Covid-19), itu tidak betul.

"Yang sebetulnya, kita tidak boleh makan makanan yang terlalu manis kerana itu yang akan membawa masalah kepada kesihatan," katanya selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Merdeka di sini, semalam.

Beliau mengulas dakwaan yang tular dalam media sosial berkaitan seorang individu yang divaksinasi meninggal dunia selepas makan durian.

Menurut beliau, hasil bedah siasat ke atas individu berusia 49 tahun itu mendapati punca kematiannya adalah disebabkan serangan jantung.

Katanya, penyebaran maklumat palsu itu menyebabkan kekeliruan yang akhirnya mendatangkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

"Sekarang musim durian, disebabkan kes ini, orang mungkin takut untuk makan durian. Mana yang sepatutnya dicucuk, dia takut nak pergi cucuk sebab mahu makan durian," katanya.

## Ramai tanam pisang ketika PKP 1.0

**KUALA PILAH:** Jumlah individu terlibat dalam penanaman pisang yang meningkat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama tahun lalu antara faktor berlakunya lambakan hasil tani itu ketika ini.

Seorang pekebun pisang, Arbain Sadri, 35, berkata, apabila hilang pekerjaan akibat PKP, ramai yang cuba melibatkan diri dengan projek tanaman pisang termasuk pisang jenis berangan sebagai usaha menampung kelangsungan hidup mereka.


"Memang kita dapat lihat sekarang ini ramai 'pemain-pemain' baharu dalam tanaman pisang. Saya akui mereka terlibat sejak setahun lalu selepas masing-masing terkesan dengan kehilangan pekerjaan dan pendapatan ketika itu.

"Hasil tanaman mereka itu

kini sudah mula mengeluarkan hasil. Bila semua menanam pisang, pengeluaran hasil pisang termasuk pisang berangan juga meningkat ketika ini. Nasib tidak baik hasil mereka keluar ketika negara sekali lagi melaksanakan PKP," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di ladang pisang The Kebun di Kampung Tengkek, dekat sini, semalam.

Menurut Arbain, kurangnya permintaan dan pasaran akibat PKP telah menyebabkan berlakunya lebihan dan lambakan pisang berangan di peringkat ladang.

"Menambah masalah, 'pemain-pemain' baharu ini tidak mempunyai pasaran yang kukuh lagi, jadi mereka tidak tahu mana di mana lagi boleh mereka pasarkan lagi hasil tanaman mereka itu," katanya.



**SEORANG pekerja memikul setandan pisang di Kampung Tengkek, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Pisang jenis berangan ketika ini menghadapi masalah lambakan di peringkat ladang ekoran pengeluaran berlebihan di seluruh negara.**